

NO. SOALAN : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[ LABUAN ]**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian bersama agensi pelancongan dalam usaha mempromosikan tapak selaman scuba yang baru ditemui di Vernon Bank, Labuan yang dilihat berpotensi untuk muncul sebagai syurga air terkemuka bagi para penyelam seluruh dunia.

125

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia (TM) sememangnya berusaha mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang unik contohnya aktiviti menyelam skuba bagi menarik lebih ramai pelancong asing dan menggalakkan pelancongan domestik; termasuk destinasi-destinasi selam skuba di Wilayah Persekutuan Labuan.

1. TM dengan kerjasama Perbadanan Labuan telah menerbitkan risalah "Best of Labuan Holiday Packages". Inisiatif ini diambil untuk mempromosikan WP Labuan menerusi pelbagai tawaran pakej percutian yang menarik termasuk aktiviti selam skuba. Risalah yang mengandungi 16 pakej percutian ini telah dibangunkan dengan kerjasama 4 pengusaha pelancongan di WP Labuan. Pakej-pakej ini menawarkan pelbagai tempat percutian yang menarik termasuk destinasi-destinasi penyelaman yang terkenal di WP Labuan.
2. TM sentiasa mempromosikan destinasi-destinasi selam skuba di Malaysia amnya dan WP Labuan khasnya ke luar negara melalui Encik Clement Lee, Duta Pelancongan Malaysia (*Diving*) seorang pakar penyelam Malaysia. Penyelam tersohor ini telah memberikan taklimat dan seminar dimana Vernon Bank ini telah diperkenalkan kepada syarikat-syarikat pelancongan antarabangsa, persatuan penyelam dan juga penyelam-penyelam antarabangsa yang telah hadir ke taklimat dan seminar tersebut. TM turut berkerjasama dengan

penyelam skuba antarabangsa terkenal dan jurugambar bawah laut iaitu Rudy Whitworth bagi matlamat yang sama.

- 3. Di antara penglibatan ekspo skuba yang tersebut adalah seperti di The Diving Equipment & Marketing Association (DEMA Show) Orlando, Florida pada 1-4 November 2017, Moscow Dive Show pada 1-4 Februari 2018, 2018 Our World Underwater Dive & Travel Show, Chicago pada 17-18 Februari 2018, Great Lake Shipwreck Festival, Michigan pada 3 Mac 2018, Asia Dive Expo (ADEX), Singapura pada 6-8 April 2018, Underwater Tour di Brisbane pada 9-12 Mei 2018 dan Shipwrecks & Scuba, Ohio pada 10 November 2018.

Sekian, terima kasih.